


# Rangkaian berita SNNi dilancar

UM 2 1 AUG 2001

**K**AMPALA 20 Ogos — Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi) - rangkaian pertukaran berita dalam lingkungan Perkongsian Pintar Selatan-Selatan - dengan rasminya dilancarkan hari ini, sekaligus menyediakan negara-negara membangun dengan pendapat alternatif mengenai isu-isu semasa yang memabitkan mereka.

Rangkaian ini dilancarkan bersama oleh Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 yang sedang berlangsung di Speke Resort, Perkampungan Munyonyo, kira-kira 15 km dari sini.

SNNi ([www.SNNi.org](http://www.SNNi.org)) akan menyediakan berita-berita yang disumbang oleh pertubuhan-pertubuhan berita dari Afrika dan Malaysia ke laman web di Internet.



Antara pertubuhan-pertubuhan berita dari Afrika yang menyertai rangkaian pertukaran berita itu ialah The New Vision di Uganda, Agensi Berita Mozambique dan The Herald, Zimbabwe.

Dari Malaysia pula, pertubuhan-pertubuhan berita yang terbabit termasuklah agensi berita nasional *Bernama*, akhbar *The New Straits Times*, *The Star* dan *Utusan Malaysia*.

Pertubuhan-pertubuhan ini dijangka memasukkan dua item berita setiap hari ke

dalam laman web berkenaan.

Semalam, Museveni, Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menandatangani Deklarasi Mengenai Media Munyonyo-Kampala yang sekali gus membuka jalan untuk pewujudan rasmi SNNi ke arah menyuarakan pendapat dan pandangan secara bebas.

Ia turut memungkinkan penerokaan swasta dengan pendaftaran syarikat di Malaysia - Smart News Network

International Sdn. Bhd. dengan modal berbayar RM100,000.

Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu, Tan Sri Kamarul Ariffin memberitahu pemberita di sini yang SNNi akan menjadi sumber berita alternatif untuk menyediakan seimbang mengenai negara-negara membangun.

"Ini merupakan sesuatu yang nyata hasil daripada dialog perkongsian pintar antara negara-negara membangun."

Beliau berkata rangkaian itu juga akan memasukkan media elektronik dan penyiaran.

Bagaimanapun, beliau menambah "kita bukannya bersaing ataupun menggantikan sesiapa, kita cuma menyediakan pendapat alternatif oleh sebuah saluran tambahan."

Beliau berkata Seychelles dan Mauritius berminat untuk menyertai rangkaian itu.